

Siri 12 27112018
Tarbiyah Pengasas

HIBURAN GURU

Muhammad Syukri Salleh

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM

Didedikasikan kepada CK Pang, pelajar saya di UIAM dahulu yang telah grad pada tahun 2009.

Pertama kali saya dijemput menghadiri majlis perkahwinan pelajar saya yang bukan Melayu. Dari Jitra ke Juru, Seberang Perai bukanlah dekat, hampir sejam setengah memandu kereta untuk ke sana.

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM


CK Pang adalah antara pelajar saya yang paling istimewa. Bukan kerana dia pelajar yang bijak, tetapi kerana dia pelajar yang sangat **berbudi bahasa**. Dari zaman belajar hingga dia menjadi penolong pendakwaraya dan kemudian membuka Legal Firm sendiri, CK Pang **tidak pernah lupa** mengucapkan Selamat Hari Guru dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada saya. Setiap tahun dia menelefon saya bertanya khabar dan mengucapkan selamat.

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM

Terharunya hati kerana dia **bersusah payah** mengirimkan kad jemputan perkahwinannya. Pang memilih tempat duduk saya di meja Nombor 15. Rupanya meja itu adalah meja yang paling hampir dengan meja pengantin. Meja itu juga rupanya meja yang dikhaskan oleh Pang untuk guru2nya yang mengajar dia di sekolah menengah dulu.

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM

Hanya makanan halal yang dihidangkan oleh pihak Hotel atas permintaan Pang walau pun tetamu yang beragama Islam cuma 4 orang termasuk saya. Banyak kali dia datang ke meja saya dan bertanya, "Mdm..semua okay tak? Mdm..makanan sedap tak? Mdm...isteri saya cantik tak?"



CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM

Saya tersenyum bila Pang datang ke meja saya dan memberitahu, " mdm...saya tak minum arak ya. Saya cuma tos meraikan tetamu saya sbb bagi org China itu tanda mendoakan panjang umur."

Dia menyambut kedatangan saya dan tetamu2 lain, dan dia juga menghantar hingga ke pintu lif selepas majlis tamat. Sebak rasa hati diraikan oleh pengantin yg menjadi pelajar saya dulu.

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM

Terima Kasih Pang dan Kris di atas **layanan istimewa** yg diberikan kepada guru2mu. Semoga CK Pang dan Kris bahagia selalu. Thanks for everythings.

Cara pengantin China meraikan tetamu sangat berbeza. Mereka melayan tetamu2 yang datang dan bukannya asyik bergambar di atas pelamin. Pengalaman yang sangat menarik dan indah buat saya apatah lagi dapat bertemu dengan seorang lagi pelajar saya, Nurul Hikmah di majlis tersebut

CERITA DR FAUZIAH MOHD NOOR UUM



Pertama kali di dalam hidup saya... saya memakai tudung merah. Singgah beli tudung semasa nak pergi kenduri.

Terima kasih CK Pang dan Kris. Selamat Pengantin Baru. Semoga berbahagia selalu.

Chen Joey Huan...saya tunggu you pula kahwin nanti.
☺

Catatan 17 November 2018
Dr Fauziah Mohd Noor
UUM

PERKARA-PERKARA YANG MENGHIBURKAN GURU UMUM

1. Berbudi Bahasa
2. Tidak pernah lupa (Hari Guru, Hari Raya, Talipon)
3. Bersusah payah (Meja dekat dengan meja pengantin, makanan halal)
4. Mengambil berat (makanan okay, semua okay)
5. Mesra dan gurau senda (isteri cantek?)
6. Menghormati (maklumkan tidak minum arak)
7. Meraikan (menghantar hingga ke pintu lif)

PERKARA-PERKARA YANG MENGHIBURKAN GURU PEJUANG




1. Tidak terputus dengan Jemaah (ISDEV)




2. Menyambung perjuangan Jemaah (ISDEV)



3. Merealisasikan perjuangan Jemaah (ISDEV)



Terima kasih



Terima kasih